

24/10/2003

Kempen 25 juta ucapan bagi Dr M, Pak Lah

KUALA LUMPUR: Memory Lane (M) Sdn Bhd, pengeluar kad ucapan, melancarkan Kempen Suara Hati Rakyat untuk membolehkan warga Malaysia menyampaikan 25

juta ucapan `terima kasih' kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir

Mohamad yang akan bersara dan `tahniah' kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang akan mengambil alih kepemimpinan negara.

Dalam satu kenyataan akhbar semalam, Pengarah Urusan Memory Lane, Jo Ann

Yeoh, berkata kad ucapan `terima kasih' yang direka cipta dalam empat corak menarik, diberikan secara percuma kepada orang ramai.

"Ia boleh didapati dari semua kedai Memory Lane di seluruh negara. Orang

ramai dipelawa memilih satu corak mengikut cita rasa sendiri dan ucapan yang siap ditulis serta ditandatangani perlu dimasukkan ke dalam kotak khas yang di sediakan.

"Di samping itu, orang ramai juga berpeluang mengalu-alukan pelantikan Abdullah sebagai Perdana Menteri baru menggunakan kad `tahniah' yang direka khas untuk beliau," katanya.

Jo berkata ini adalah masa yang sesuai bagi mengiktiraf dan menghargai khidmat bakti Dr mahathir yang akan bersara 31 Oktober ini.

"Syarikat kami mencetak 300,000 keping kad dan kunjungan kami ke Zoo Negara baru-baru ini, ternyata menunjukkan bahawa rakyat Malaysia memberi sokongan melalui penyertaan mereka untuk mengambil bahagian dalam kempen itu.

"Dengan kerjasama yang diberikan oleh tiga rangkaian radio popular Astro

iaitu MY FM, Era dan Mix FM, kami mampu mengumpulkan sebanyak 100 hingga 200 kad ucapan yang telah ditandatangani dan ditulis oleh peserta yang mengambil bahagian," katanya.